

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENILAIAN AKHIR AMALI
SESI II : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10193
APLIKASI KOMPUTER PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Mini Projek ini dibuat secara individu yang menyumbang 30% daripada jumlah markah kursus berkenaan dan akan dinilai berdasarkan kepada **SENARAI SEMAK** yang dilampirkan.
4. Tarikh edaran soalan bermula Minggu 13 dan pelaksanaan amali perlu dilaksanakan pada hari peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

MINI PROJEK

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Mini projek ini adalah tugas amali individu.
- 2) Penilaian mini projek ini adalah menggunakan senarai semak yang diberikan.
- 3) Pelajar perlu menghantar pautan/ *link* untuk semua tugas [Soalan (a) – (f)] di dalam *Google Sheets* yang telah disediakan oleh pensyarah.

SOALAN

Anda merupakan seorang pembantu jualan di Syarikat Hadi Sports Equipment Sdn. Bhd. Syarikat anda menyediakan perkhidmatan membekal peralatan dan pakaian sukan kepada sekolah, pusat latihan dan agensi-agensi kerajaan. Sebagai seorang pembantu jualan, anda bertanggungjawab untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat serta menguruskan semua urusan tempahan yang dibuat oleh pelanggan. Berdasarkan skop tugas tersebut, anda dikehendaki:

- a) mengubah suai dokumen sebut harga bagi bekalan peralatan dan pakaian sukan kepada Sekolah Kebangsaan Taman Sri Permas seperti di **Lampiran A** dengan menggunakan **Google Docs**. Namakan dokumen tersebut **Sebut Harga_Nombor Pendaftaran Pelajar**. **CLO 2**

Dokumen sebut harga anda hendaklah diubah suai mengikut format berikut:

- i. *Font* : *Arial*
- ii. *Font Size* : 11
- iii. *Text Color* : *black*
- iv. *Line Spacing* : 1.15
- v. *Page setup* : A4
- vi. *Orientation* : *Portrait*
- vii. *Tajuk* : *UPPERCASE* dan *Underline*
- viii. *Text Watermark* : HSE, diagonal

- b) melengkapkan dokumen invoice bagi bekalan peralatan dan pakaian sukan kepada Sekolah Kebangsaan Taman Sri Permas seperti di **Lampiran B**. **CLO 2**

menggunakan **Google Sheets**. Namakan dokumen tersebut **Invois_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

Dokumen invois anda hendaklah diubah suai dan dilengkapkan mengikut format berikut:

- i. *Font* : *Arial Narrow*
- ii. *Font Size* : 11
- iii. *Alignment* : *Center* untuk **Cell A1:G1**
- iv. *Tajuk* : *Bold* dan *Underline*
- v. *Fill Color* : dark gray 1 untuk **Cell B15: F15** dan **Cell B24:F24**
- vi. Pengiraan **Jumlah (RM)** dan **Jumlah Keseluruhan (RM)** hendaklah menggunakan formula yang bersesuaian dan tetapan **Format Number**

- c) menyediakan slaid pembentangan profil perniagaan menggunakan **Google Slides**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut **Profil Perniagaan_Nombor Pendaftaran Pelajar**. **CLO 2**

Slaid pembentangan tersebut hendaklah disediakan mengikut ketetapan seperti berikut:

- i. *Background color* - light blue 1
- ii. Muka depan - *Title*: Profil Perniagaan dan *Subtitle*: Nama Syarikat
- iii. Maklumat syarikat (menggunakan *bulleted list menu*)
- iv. Visi dan misi syarikat (menggunakan *diagram* yang bersesuaian)
 - Visi : Menjadi pengedar barangan sukan terbaik di Johor.
 - Misi
 - o Menjanjikan perkhidmatan yang pantas dan mesra
 - o Menyediakan pelbagai pilihan barangan dari pelbagai jenama
 - o Menawarkan produk yang berkualiti dengan harga yang berpatutan
- v. Contoh produk yang dijual (memasukkan sekurang-kurangnya 4 gambar yang bersesuaian)
- vi. *Slide Transition* - *cube, apply to all slides*

- d) i. menyediakan borang permintaan sebut harga menggunakan **Google Forms** seperti di **Lampiran C**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut **Borang Permintaan Sebut Harga_ Nombor Pendaftaran Pelajar**. **CLO 2**

Borang permintaan sebut harga tersebut perlu mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:

- Tajuk: Borang Permintaan Sebut Harga
- Nama pelanggan
- Alamat pelanggan
- Nombor telefon
- E-mel
- Senarai harga produk yang diperlukan (masukkan *description* dan tetapan seperti di **Lampiran C**)
- Cara bayaran

ii. mencipta QR code borang permintaan sebut harga tersebut.

e) merekabentuk **SATU (1)** logo perniagaan dengan menggunakan **PosterMyWall**. **CLO 2**
Namakan dokumen tersebut **Logo Perniagaan_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

f) menghasilkan **SATU (1)** poster iklan pembukaan perniagaan menggunakan **Canva**. **CLO 2**
Namakan dokumen tersebut **Poster Perniagaan_Nombor Pendaftaran Pelajar**.

Poster perniagaan tersebut perlu mengandungi maklumat berikut:

- i. Nama dan maklumat syarikat (logo, alamat, no telefon dan e-mel)
- ii. Gambar kedai / produk
- iii. QR code borang permintaan sebut harga

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab